

FWD Takaful Berhad ("FWD Takaful") Program Baucar Perlindungan Tenang ("Program")

Terma dan Syarat

1. Pengenalan

Program ini adalah insentif kerajaan di bawah belanjawan 2021 di mana baucar bernilai RM75 akan diberi sebagai bantuan kewangan untuk menyertai pelan perlindungan takaful. Baucar ini akan diberikan kepada pemohon yang layak di bawah program Bantuan Prihatin Rakyat (BPR).

2. Tempoh Program

Program ini bermula pada 1 Januari 2022 dan penggunaan baucar dibenarkan sehingga 31 Disember 2022.

3. Kelayakan

Program ini adalah untuk pemohon yang layak di bawah program Bantuan Prihatin Rakyat sahaja. Pemohon boleh memeriksa kelayakan di laman web www.myptr.com.

Baucar RM75 akan diagihkan secara berperingkat. Sekiranya anda mendapati diri anda tidak layak untuk Program Baucar Perlindungan Tenang di peringkat ini, anda boleh membuat semakan pada peringkat seterusnya.

4. Pelan Takaful

Pelan takaful yang sah untuk program ini adalah FWD Kasih. Program ini adalah tertakluk kepada kelayakan di bawah:

Umur (umur hari jadi seterusnya)	Jantina	Manfaat anda	Jumlah sumbangan
19 – 39	Lelaki	Manfaat kematian: RM20,000 Manfaat Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK): RM20,000 Kematian akibat kemalangan: RM40,000 Badal Haji/Derma Kebajikan (Manfaat tambahan): RM2,500 Khairat kematian (Manfaat tambahan): RM3,000	RM61.00
	Perempuan	Manfaat kematian: RM30,000 Manfaat Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK): RM30,000 Kematian akibat kemalangan: RM60,000 Badal Haji/Derma Kebajikan (Manfaat tambahan): RM2,500 Khairat kematian (Manfaat tambahan): RM3,000	RM72.90
40 – 49	Lelaki	Manfaat kematian: RM10,000 Manfaat Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK): RM10,000 Kematian akibat kemalangan: RM20,000 Badal Haji/Derma Kebajikan (Manfaat tambahan): RM2,500 Khairat kematian (Manfaat tambahan): RM3,000	RM71.90
	Perempuan	Manfaat kematian: RM10,000 Manfaat Hilang Upaya Penuh & Kekal (HUPK): RM10,000 Kematian akibat kemalangan: RM20,000 Badal Haji/Derma Kebajikan (Manfaat tambahan): RM2,500 Khairat kematian (Manfaat tambahan): RM3,000	RM56.90

Sumbangan

Pemohon yang layak tidak perlu membayar sumbangan untuk tahun pertama. Untuk sumbangan tahun kedua dan selanjutnya, kadar sumbangan pelan FWD Kasih adalah berdasarkan umur dan pilihan pelan.

5. Kegunaan Baucar

Baucar hanya boleh digunakan sekali sahaja semasa menyertai pelan FWD Kasih.

- Sekiranya sijil baharu dibatalkan dalam tempoh 15 hari tempoh percubaan, pemohon boleh menggunakan baucar yang sama untuk menyertai Pelan Perlindungan Tenang yang baharu.
- Sekiranya sijil baharu dibatalkan selepas tempoh 15 hari tempoh percubaan, pemohon tidak boleh menggunakan baucar yang sama.

6. Perlindungan

Penerimaan permohonan ini adalah tidak dijamin. Setiap permohonan akan melalui pengunderaitan, kriteria kelayakan, pemeriksaan pencegahan penggubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan serta hasil daripada aktiviti haram sebelum sijil takaful pemohon dikeluarkan.

7. Permohonan

Pemohon boleh memohon di laman web <https://www.fwd.com.my/direct/kasih/ptv>.

Status permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui e-mel dalam tempoh masa 24 jam selepas permohonan.

8. Pembaharuan Sijil Takaful

Program ini sah untuk tahun pertama sahaja. Untuk tahun kedua dan selanjutnya, pemohon diminta untuk memperbaharui sijil takaful di portal pelanggan FWD Takaful. Sila lawati

<https://www.fwd.com.my/en/myportal/>

9. Pusat Khidmat Pelanggan

Untuk maklumat lanjut mengenai Program ini atau bantuan untuk permohonan, sila hubungi:

- Talian Utama: 03 2771 7737
- E-mel: kasih.my@fwd.com